

SPESIFIKASI TEKNIKAL**SEBUTHARGA BIL. 27/2021:****PERKHIDMATAN PENULISAN, PENTERJEMAHAN DAN MENYEDIAKAN KONSEP KREATIF, REKA BENTUK, PENGATURAN HURUF (*TYPESETTING*) DAN PERCETAKAN BAGI LAPORAN TINJAUAN PKS 2021**

1. OBJEKTIF

- 1.1 Melaporkan prestasi dan program pembangunan PKS dan keusahawanan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi Kerajaan sepanjang tahun 2021, serta melaporkan perkembangan isu semasa yang memberi kesan terhadap PKS, selain mengetengahkan syarikat PKS yang boleh dijadikan sebagai kisah inspirasi.

2. SKOP PERKHIDMATAN

- 2.1 Penulisan dalam Bahasa Inggeris
- 2.2 Penterjemahan (Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu)
- 2.3 Penyediaan konsep kreatif, reka bentuk dan pengaturan huruf (*typesetting*)
- 2.4 Percetakan

Terdapat dua (2) jenis laporan yang akan diterbitkan iaitu Laporan Utama dan Laporan Prestasi dan Prospek Ekonomi. Setiap laporan akan diterbitkan secara dwibahasa.

3. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

- 3.1 Kontrak pelantikan adalah bagi tempoh empat (4) bulan. Pelantikan vendor dijangka pada Januari 2022 – April 2022.
- 3.2 Bayaran dibuat secara *one-off* selepas semua perkhidmatan disempurnakan dengan memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia.
- 3.3 Bayaran akan dibuat setelah SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan telah menerima bekalan / perkhidmatan berdasarkan *Delivery Order* dan inbois daripada Penyebutharga yang dilantik.

4. SYARAT-SYARAT LAIN

- 4.1 Penyebutharga mempunyai syarikat yang berdaftar dengan SSM.
- 4.2 Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan tempoh pendaftaran masih sah laku dan keutamaan akan diberikan kepada syarikat berstatus Bumiputera.

- 4.3 Berdaftar dalam kod bidang berikut: **221601, 221614, 221615 dan 222006**.
- 4.4 Mempunyai Lesen Mesin Cetak dan permit penerbitan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN).
- 4.5 Syarikat perlu mempunyai rekod kewangan / aliran tunai yang baik agar tidak menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran kepada Penulis, Penterjemah dan *Typesetter* serta kerja-kerja penulisan, penterjemahan dan *typesetting* selesai sepenuhnya.
- 4.6 Pelantikan Penulis, Penterjemah dan Typesetter mestilah yang berkelayakan dan mendapat persetujuan daripada SME Corp. Malaysia.
- 4.7 Pemilihan Penyebutharga adalah berdasarkan pematuhan kepada semua skop kerja yang ditetapkan di jadual pematuhan.
- 4.8 Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada Penyebutharga pada bila-bila masa sekiranya Penyebutharga:
- Tidak memenuhi skop kerja yang telah dipersetujui
 - Tidak memenuhi kualiti dan spesifikasi kerja
 - Tidak memenuhi syarat-syarat berkaitan reka grafik
 - Tidak mematuhi jadual penghantaran yang ditetapkan
- 4.9 Penyebutharga berupaya untuk mencetak Laporan Tinjauan PKS 2021 dalam jangkamasa 14 hari (termasuk hujung minggu) selepas mendapat kelulusan untuk mencetak daripada SME Corp. Malaysia.
- 4.10 Penyebutharga berupaya untuk membuat pindaan hingga peringkat terakhir yang diluluskan oleh Pengurusan SME Corp. Malaysia.
- 4.11 Laporan Tinjauan PKS 2021 dengan segala maklumat, gambar dan reka bentuk grafik yang diterbitkan adalah hak milik terpelihara SME Corp. Malaysia. Cetakan dan penerbitan semula Laporan Tinjauan PKS 2021 dan sebarang maklumat di dalam Laporan ini oleh mana-mana pihak lain adalah tidak dibenarkan tanpa persetujuan bertulis daripada SME Corp. Malaysia.
- 4.12 Sekiranya pembekal gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan / atau kualiti yang ditetapkan, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan / atau mengenakan Liquidated & Ascertained Damages (LAD) berdasarkan formula berikut:

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$$

**JADUAL PEMATUHAN DAN KOS SPESIFIKASI TEKNIKAL
PERKHIDMATAN PENULISAN, PENTERJEMAHAN DAN MENYEDIAKAN
KONSEP KREATIF, REKA BENTUK, PENGATURAN HURUF (*TYPESETTING*)
DAN PERCETAKAN BAGI LAPORAN TINJAUAN PKS 2021**

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI)
			YA	TIDAK	
A.	LAPORAN UTAMA				
1.	KERJA-KERJA PENULISAN				
1.1	Membuat kerja-kerja merangka, menulis, menyunting dan <i>proof-read</i> laporan dalam Bahasa Inggeris berdasarkan garis panduan kandungan yang dicadangkan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Bab 1: Dasar, Inisiatif dan Program Pembangunan PKS • Bab 2: Agenda PKS Global / Serantau dan Pengantarabangsaan • Bab 3: Ekosistem Pembiayaan untuk PKS • Bab 4: Teknologi, Inovasi & Digitalisasi • Sorotan Khas • Kisah Inspirasi • Melangkah ke Hadapan 	(250 – 320 muka surat) 600 naskah			
1.2	Kerja-kerja merangka, menulis, menyunting dan <i>proof-read</i> laporan turut merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Keupayaan untuk menganalisis, mentafsir maklumat / data (jadual, graf, carta dan lain-lain) dan menulis dalam bahasa yang mudah untuk difahami; ▪ Menulis artikel mengenai program yang berjaya berdasarkan input dari Kementerian dan agensi; ▪ Menyunting draf laporan atau sebarang dokumen lain yang disediakan oleh Kementerian dan agensi; 				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI)
			YA	TIDAK	
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menjalankan kajian menerusi internet dan penerbitan atau sumber-sumber lain dalam membuat penulisan berkaitan laporan; ▪ Menemuduga sehingga 6 PKS berjaya dan menulis artikel berdasarkan kisah-kisah kejayaan mereka; dan ▪ Membuat pindaan hingga peringkat terakhir yang diluluskan oleh Pengurusan SME Corp. Malaysia. 				
1.3	<p>Menyediakan khidmat Penulis yang berpengalaman dan berkelayakan dalam penulisan Laporan Tahunan PKS serta dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia (Bahagian Ekonomi dan Dasar):</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Berpengalaman sebagai penulis bagi dokumen perancangan strategik / laporan tahunan / penulisan khas bagi Kementerian atau Agensi / pihak swasta. ▪ Berpengalaman menulis sekurang-kurangnya 10 tahun. Penyerahan <i>resume</i> / profil Penulis hendaklah dikemukakan bersama, termasuk senarai dan salinan penulisan yang pernah ditulis oleh Penulis berkenaan. 				
2.	KERJA-KERJA PENTERJEMAHAN				
2.1	<p>Membuat kerja-kerja penterjemahan terhadap keseluruhan laporan daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu berdasarkan draf yang disediakan oleh Penulis:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perutusan YAB Perdana Menteri • Bab 1: Dasar, Inisiatif dan Program Pembangunan PKS • Bab 2: Agenda PKS Global / Serantau dan Pengantarabangsaan 				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI)
			YA	TIDAK	
	<ul style="list-style-type: none"> • Bab 3: Ekosistem Pembiayaan untuk PKS • Bab 4: Teknologi, Inovasi & Digitalisasi • Sorotan Khas • Kisah Inspirasi • Melangkah ke Hadapan 				
2.2	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kerja-kerja penterjemahan dilakukan pada fasa yang sama dengan fasa penulisan (<i>seiringan / concurrently</i>). ▪ Sebarang pindaan yang dilakukan pada versi Bahasa Inggeris haruslah turut dipinda di terjemahan Bahasa Melayu secara seiringan. 				
2.3	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Membuat kerja-kerja penyuntingan dan <i>proof-read</i> terhadap laporan yang diterjemahkan. ▪ Membuat pindaan sehingga peringkat terakhir yang diluluskan oleh Pengurusan SME Corp. Malaysia. 				
2.4	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penterjemah haruslah yang berkelayakan dari DBP / ITBM dan perlu dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia (Bahagian Ekonomi dan Dasar). ▪ Penyerahan <i>resume</i> / profil Penterjemah hendaklah dikemukakan bersama. 				
3.	KONSEP KREATIF, REKA BENTUK DAN TYPESETTING				
3.1	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengemukakan sekurang-kurangnya lima (5) reka bentuk asas kulit depan dan belakang buku mengikut tema yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia dan tidak termasuk pilihan warna berbeza bagi reka bentuk yang sama. ▪ Menyediakan reka bentuk dalaman yang selaras dengan reka bentuk kulit buku bagi setiap muka surat yang meliputi isi kandungan, pembahagi 				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI)
			YA	TIDAK	
	<p>muka surat, graf, jadual, imej dan lain-lain berkaitan.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Menyediakan carta / graf / reka bentuk yang bersesuaian dengan isi kandungan laporan. Carta / graf haruslah menarik, kreatif dan seragam serta tidak terlalu menonjol dari segi saiz dan warna. ▪ Penggunaan gambar sekurang-kurangnya 30 unit, yang merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> - Sekurang-kurangnya 15 unit dari <i>istockphoto</i>; - Gambar dalam simpanan pembekal; dan - Gambar dalam simpanan SME Corp. Malaysia. 				
3.2	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Typesetter</i> harus bersedia untuk dihubungi dan boleh memberikan komitmen yang tinggi dalam menyempurnakan tugas, dan boleh menyerahkan tugas termasuk di luar waktu pejabat bagi memenuhi tarikh serahan yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia. ▪ <i>Typesetter</i> juga perlu bersedia untuk hadir bekerja di premis SME Corp. Malaysia termasuk di luar waktu pejabat bagi memenuhi tarikh serahan yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia. ▪ Pelantikan <i>typesetter</i> mestilah yang berkelayakan dan mendapat persetujuan daripada SME Corp. Malaysia (Bahagian Ekonomi dan Dasar). 				
4.	KERJA-KERJA PERCETAKAN				
4.1	<p>Spesifikasi buku:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Saiz: 20.3 cm (w) x 25.4 cm (h) ▪ Bahan: <ul style="list-style-type: none"> - Kulit: 310 gsm <i>Art Card</i> 				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI)
			YA	TIDAK	
	<ul style="list-style-type: none"> - Isi kandungan: 80 gsm <i>Simili Paper (White)</i> - Spesifikasi warna – 4C x 4C & 4C + 1C - Kemasan kulit buku: <i>Matt Lamination</i> dan <i>Spot UV</i> - Jilid: <i>Thread Sewn Binding</i> - Bilangan muka surat: 250 – 320 muka surat - Kuantiti: 600 naskah <p>Pembekal perlu menyerahkan <i>softcopy</i> akhir kepada SME Corp. Malaysia setelah kerja mencetak selesai.</p>				
4.2	<p>Kerja-kerja <i>colour proof</i> dan <i>mock-up</i> meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Menggunakan reka bentuk kulit buku yang telah dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia; ▪ <i>Mock-up</i> buku dan pembahagi muka surat yang dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia; ▪ <i>Colour-proof</i> perlu dibuat menggunakan cetakan digital; dan ▪ SME Corp. Malaysia berhak menolak <i>mock-up</i> / pruf akhir yang dirasakan tidak berkualiti. <p>Kelulusan untuk mencetak adalah berdasarkan <i>final mock-up</i> / pruf akhir yang dipersetujui oleh Pengurusan SME Corp. Malaysia.</p>				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI)
			YA	TIDAK	
B.	LAPORAN PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI				
1.	KERJA-KERJA PENTERJEMAHAN				
1.1	<p>Membuat kerja-kerja penterjemahan terhadap keseluruhan laporan daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu berdasarkan draf yang disediakan oleh Penulis:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bab 1: Gambaran Keseluruhan Prestasi PKS Global • Bab 2: Prestasi PKS di Malaysia • Bab 3: Prospek Ekonomi Global dan Malaysia • Artikel Khas 	(80 – 120 muka surat) 600 naskah			
1.2	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kerja-kerja penterjemahan dilakukan pada fasa yang sama dengan fasa penulisan (<i>seiringan / concurrently</i>). ▪ Sebarang pindaan yang dilakukan pada versi Bahasa Inggeris haruslah turut dipinda di terjemahan Bahasa Melayu secara seiringan. 				
1.3	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Membuat kerja-kerja penyuntingan dan <i>proof-read</i> terhadap laporan yang diterjemahkan. ▪ Membuat pindaan sehingga peringkat terakhir yang diluluskan oleh Pengurusan SME Corp. Malaysia. 				
1.4	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penterjemah haruslah yang berkeelayakan dari DBP / ITBM dan perlu dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia (Bahagian Ekonomi dan Dasar). ▪ Penyerahan <i>resume / profil</i> Penterjemah hendaklah dikemukakan bersama. 				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI)
			YA	TIDAK	
2.	KONSEP KREATIF, REKA BENTUK DAN <i>TYPESETTING</i>				
2.1	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengemukakan sekurang-kurangnya lima (5) reka bentuk asas kulit depan dan belakang buku mengikut tema yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia dan tidak termasuk pilihan warna berbeza bagi reka bentuk yang sama. ▪ Menyediakan reka bentuk dalaman yang selaras dengan reka bentuk kulit buku bagi setiap muka surat yang meliputi isi kandungan, pembahagi muka surat, graf, jadual, imej dan lain-lain berkaitan. ▪ Menyediakan carta / graf / reka bentuk yang bersesuaian dengan isi kandungan laporan. Carta / graf haruslah menarik, kreatif dan seragam serta tidak terlalu menonjol dari segi saiz dan warna. ▪ Penggunaan gambar sekurang-kurangnya 30 unit, yang merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> - Sekurang-kurangnya 15 unit dari <i>istockphoto</i>; - Gambar dalam simpanan pembekal; dan - Gambar dalam simpanan SME Corp. Malaysia. 				
2.2	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Typesetter</i> harus bersedia untuk dihubungi dan boleh memberikan komitmen yang tinggi dalam menyempurnakan tugas, dan boleh menyerahkan tugas termasuk di luar waktu pejabat bagi memenuhi tarikh serahan yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia. ▪ <i>Typesetter</i> juga perlu bersedia untuk hadir bekerja di premis SME Corp. Malaysia termasuk di luar waktu pejabat bagi memenuhi tarikh serahan 				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI)
			YA	TIDAK	
	<p>yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelantikan <i>typesetter</i> mestilah yang berkelayakan dan mendapat persetujuan daripada SME Corp. Malaysia (Bahagian Ekonomi dan Dasar). 				
3.	KERJA-KERJA PERCETAKAN				
3.1	<p>Spesifikasi buku:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Saiz: 20.3 cm (w) x 25.4 cm (h) ▪ Bahan: <ul style="list-style-type: none"> - Kulit: 310 gsm <i>Art Card</i> - Isi kandungan: 80 gsm <i>Simili Paper (White)</i> - Spesifikasi warna – 4C x 4C & 4C + 1C - Kemasan kulit buku: <i>Matt Lamination</i> dan <i>Spot UV</i> - Jilid: <i>Thread Sewn Binding</i> - Bilangan muka surat: 80 – 120 muka surat - Kuantiti: 600 naskah <p>Pembekal perlu menyerahkan <i>softcopy</i> akhir kepada SME Corp. Malaysia setelah kerja mencetak selesai.</p>				
3.2	<p>Kerja-kerja <i>colour proof</i> dan <i>mock-up</i> meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Menggunakan reka bentuk kulit buku yang telah dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia; ▪ <i>Mock-up</i> buku dan pembahagi muka surat yang dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia; ▪ <i>Colour-proof</i> perlu dibuat menggunakan cetakan digital; dan ▪ SME Corp. Malaysia berhak menolak <i>mock-up</i> / pruf akhir yang dirasakan tidak berkualiti. 				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (MESTI NYATAKAN SECARA TERPERINCI)
			YA	TIDAK	
	Kelulusan untuk mencetak adalah berdasarkan <i>final mock-up</i> / pruf akhir yang dipersetujui oleh Pengurusan SME Corp. Malaysia.				

** sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi*

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 27/2021.

.....
 Nama :
 Jawatan :
 Tarikh :
 Cop Syarikat :